

# Harapan tahun baharu 2019

**M**emasuki minggu terakhir 2018 kita sudah mula mencongak dan memikirkan harapan dan hala tuju menjelang tahun baharu 2019. Ada yang mahu cepat melupakan 2018 atas pelbagai kenangan pahit supaya segera dapat memulakan kehidupan baharu tidak lama lagi. Dan pasti ramai juga yang tidak begitu mudah melupakan 2018 kerana telah melalui pelbagai detik manis yang memberi impak besar dalam kehidupan mereka. Apapun kehidupan perlu diteruskan dan kita perlu bersedia untuk mengharungi hari-hari yang akan mendatang.

Sepanjang tahun ini negara menyaksikan berlakunya pelbagai peristiwa suka duka yang mewarnai kehidupan rakyat kita yang pastinya bakal meninggalkan seribu satu kenangan. Antara perkara besar yang berlaku pada tahun ini yang pastinya melakar sejarah baharu negara ialah tumbangnya kerajaan Barisan Nasional (BN) dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14). BN buat kali pertama gagal untuk menguasai kerajaan Persekutuan, malah hampir semua negeri juga terlepas kepada Pakatan Harapan (PH). Siapa sangka Tun Dr Mahathir Mohamad, mantan Perdana Menteri keempat akan sekali lagi mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri ketujuh pada usia 93 tahun. Lakaran politik ini yang berlaku pada Mei pastinya akan tersimpan kemas dalam lipatan sejarah negara ini buat selama-lamanya.

Dalam pada itu peningkatan kos sara hidup secara mendadak yang disulangi dengan faktor ketidaktentuan ekonomi global dan negara yang memberi kesan langsung kepada nilai ringgit, di samping kenaikan mendadak harga barang serta kesukaran untuk memiliki rumah yang juga mengalami kenaikan harga yang cukup signifikan terus mencengkam kehidupan rakyat terutama golongan berpendapatan rendah, sederhana dan miskin bandar.

Hakikatnya rakyat menantikan 2019 dengan harapan dan impian yang besar meliputi pelbagai aspek kehidupan harian. Walaupun azam tahun baharu setiap individu berbeza mengikuti kehendak dan impian masing-masing, namun secara keseluruhannya impian dan harapan rakyat Malaysia boleh dirumuskan berdasarkan beberapa aspek utama seperti itu peningkatan kos sara hidup, soal perpaduan kaum, kebijakan dan kehidupan sosial serta kestabilan politik dan keselamatan negara.

Scara realitinya apa yang berlaku pada tahun ini cukup memeritkan majoriti rakyat kita yang masih terpaksa hidup kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang. Maka besarlah harapan rakyat agar permasalahan

atas seperti kenaikan harga barang dan kos sara hidup, peluang pekerjaan serta peluang untuk memiliki rumah dapat diberi perhatian khusus dan diselesaikan dengan segera. Dalam konteks ini, kita masih menantikan formula terbaik daripada kerajaan baharu bagi meringankan beban rakyat supaya akhirnya rakyat atau golongan tersasar dapat menikmati kehidupan yang lebih baik.

Kita juga berharap kerajaan akan terus mengambil langkah proaktif untuk merancakkan lagi kadar pertumbuhan ekonomi negara supaya dapat memberi impak positif kepada kehidupan rakyat secara keseluruhannya. Harus diingat, tiada gunanya ekonomi kita dikatakan kukuh tetapi kos sara hidup semakin meningkat. Justeru, rakyat berharap agar 2019 bukan saja boleh menjanjikan pertumbuhan ekonomi yang mapan tetapi lebih penting ialah dapat meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan masyarakat secara total. Dalam hal ini peluang pekerjaan termasuk peluang perniagaan mahupun keusahawanan perlu terus

dingkatkan terutama bagi memenuhi keperluan graduan universiti kita yang semakin bertambah pada setiap tahun.

Dari aspek kestabilan politik dan keselamatan negara pula, pelbagai isu yang berlaku sepanjang 2018 sewajarnya dijadikan pedoman dan panduan yang azimat demi kelangsungan kestabilan kehidupan masyarakat majmuk kita. Cukup-cukuplah segala drama politik yang berlaku. Percayalah betapa rakyat semakin muak dengan drama umpama sinetron yang tidak kesudahan. Rakyat mahukan kerajaan stabil dan kuat serta ahli politik

bijak, matang dan profesional yang dapat merasai denyut nadi pengundi mereka. Ringkasnya, jangan politikkan kehidupan rakyat! Rakyat sudahpun membuat pilihan melalui PRU14, hormatilah pilihan tersebut dan biarlah kerajaan baharu melaksanakan tanggungjawab mereka sebaik mungkin. Ingat demi keselamatan dan keamanan kita memerlukan sebuah kerajaan yang kuat dan stabil.

Di samping itu kerapuhan perpaduan kaum yang turut dikaitkan dengan politik

perkauman dan kepartian masih meresahkan rakyat. Kelanglang beberapa pihak yang mempersoalkan intipati Perlembagaan Persekutuan seperti hak keistimewaan orang Melayu, raja-raja Melayu, kedudukan bahasa Melayu serta agama Islam atas alasan demokrasi dan hak kebebasan bersuara jelas mengundang pelbagai reaksi dari masyarakat. Kelompok majoriti risau dan marah kerana dikhawatir isu sensitif seperti ini boleh memecah-belahkan rakyat dan menghancurkan jambatan perpaduan yang kita bina selama ini.


Hakikatnya jambatan perpaduan yang dibina atas dasar muafakat, toleransi dan kerjasama yang jitu generasi terdahulu mula menampakkan sedikit keretakan akibat ketamakan kuasa dan kepentingan peribadi kelompok tertentu yang sanggup buat apa sajalah demi memenuhi impian politik mereka. Justeru harapan kita pada 2019 ialah agar hubungan kaum dapat diperkisasemula. Keharmonian dan rukun hidup masyarakat majmuk perlu terus dipertahankan. Kerajaan perlu lebih tegas dalam menangani isu sensitif seperti ini agar tidak dibiarkan menjadi virus yang sukar dirawat kelak. Tidak salah untuk dicadangkan, umumkanlah 2019 sebagai tahun untuk

memperkasa perpaduan kaum secara menyeluruh melalui penghayatan sepenuhnya kepada Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan.

Dalam pada itu, tatkala kita berharap agar pihak kerajaan akan menunaikan tanggungjawab mereka terhadap segenap lapisan masyarakat, rakyat juga perlu bersama-sama berganding bahu mengharungi cabaran mendatang secara bersama. Lupakan segala kenangan pahit 2018, mari kita mulakan hidup baharu secara bersama dalam suasana yang cukup ceria, aman, selamat dan bersatu padu. Percayalah 2019 bakal menjalankan cabaran yang lebih kompleks yang menuntut kita berdiri teguh dan kukuh sebagai sebuah negara bangsa yang kuat. Justeru menjelang tahun baharu ini, marilah kita seluruh rakyat Malaysia berganding bahu bersama-sama lupakan segala persengketaan dengan buang yang keruh dan ambil yang jernih seterusnya berhijrah ke arah membentuk sebuah negara yang aman dan terus mekar di persada antarabangsa. Sama-sama kita berdoa agar harapan itu menjadi kenyataan. Selamat menyambut tahun baharu.

Penulis Timbalan Pendaftar  
Fakulti Kejuruteraan  
Universiti Putra Malaysia

## Dialog Kotaraya



Oleh Juragan